



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmoe.com



KAEDAH PENGAJARAN RASULULLAH SAW: ANALISIS MODUL PENGHAYATAN HADIS 40 IMAM NAWAWI

TEACHING METHODS OF THE PROPHET MUHAMMAD (PBUH): AN ANALYSIS OF MODUL PENGHAYATAN HADIS 40 IMAM NAWAWI

Muhammad Hisyamuddin Kamarudin¹, Amran Abdul Halim^{2*}, Nidzamuddin Zakaria³, Mohd Anuar Mamat⁴

¹ Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan, Malaysia
Email: hisyamuddinkamarudin93@raudhah.usim.edu.my

² Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan, Malaysia
Email: amranabdulhalim@usim.edu.my

³ Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan, Malaysia
Email: nidzamuddin@usim.edu.my

⁴ Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan, Malaysia
Email: anuarmamat@usim.edu.my

* Corresponding author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.09.2025

Revised date: 20.10.2025

Accepted date: 12.11.2025

Published date: 02.12.2025

To cite this document:

Kamarudin, M. H., Abdul Halim, A., Zakaria, N., & Mamat, M. A. (2025). *Teaching methods of the Prophet Muhammad (PBUH): An analysis of Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi. International Journal of Modern Education*, 7 (28), 132-143.

DOI: 10.35631/IJMOE.728011

Abstrak:

Kajian ini meneliti kaedah pengajaran Rasulullah SAW sebagaimana yang terdapat dalam Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi (KPM, 2023). Modul ini dijadikan sumber utama untuk menganalisis pendekatan pedagogi Rasulullah SAW berdasarkan hadis-hadis pilihan yang merangkumi aspek ilmu, kefahaman dan penghayatan. Analisis tematik terhadap 42 hadis mendapati Rasulullah SAW menggunakan pelbagai kaedah pengajaran seperti kuliah berstruktur, soal jawab, dialog, penceritaan, perbandingan, pengulangan, gaya bukan lisan, amali, resitasi dan penyelesaian masalah. Hasil kajian ini bukan sahaja mengesahkan keunikan pedagogi Islam, malah menunjukkan kesepadanan dengan teori pendidikan Barat seperti Bloom, Vygotsky dan Piaget. Kepelbagaian pendekatan ini membuktikan bahawa pedagogi Islam bersifat holistik, fleksibel dan sesuai diaplikasikan dalam konteks pendidikan abad ke-21. Dapatan kajian telah memberikan implikasi penting terhadap teori pendidikan Islam, di samping menawarkan panduan praktikal kepada guru Pendidikan Islam (GPI) untuk melaksanakan pengajaran berkesan di bilik darjah.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)

**Kata kunci:**

Pedagogi Rasulullah SAW, Modul Penghayatan, Hadis 40 Imam Nawawi, Pendidikan Islam, Kaedah Pengajaran

Abstract:

This study examines the teaching methods of Prophet Muhammad (peace be upon him) as outlined in the Hadith 40 Nawawi Appreciation Module (MOE, 2023). The module served as the primary source for analyzing the Prophet's pedagogical approaches derived from selected hadiths that encompass aspects of knowledge, understanding, and internalization. Thematic analysis of 42 hadiths revealed that the Prophet employed diverse teaching strategies, including structured lectures, questioning, dialogue, storytelling, comparisons, repetition, non-verbal communication, practical demonstrations, recitation, and problem-solving. These findings not only confirm the uniqueness of Islamic pedagogy but also demonstrate its alignment with Western educational theories such as Bloom, Vygotsky, and Piaget. The diversity of these approaches proves that Islamic pedagogy is holistic, flexible, and applicable in the context of 21st-century education. The findings also provide significant implications for Islamic educational theory, while offering practical guidance for Islamic Education teachers to implement effective teaching in the classroom.

Keywords:

Prophetic Pedagogy, 40 Nawawi Hadith, MOE Module, Islamic Education, Teaching Methods

Pengenalan

Pendidikan Islam merupakan tunjang utama dalam melahirkan generasi Muslim yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan bergantung pada kebijaksanaan guru dalam memilih serta mengaplikasikan kaedah pengajaran yang sesuai dengan tahap perkembangan murid (Suhaimi, 2007). Rasulullah SAW sebagai pendidik agung telah menampilkan pelbagai kaedah pengajaran yang praktikal, relevan sepanjang zaman, dan terbukti berkesan dalam membimbing para sahabat serta membentuk generasi Muslim unggul (Ali et al., 2024).

Menyedari kepentingan tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerbitkan Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi (2023) sebagai panduan rasmi PdP berasaskan hadis, khususnya untuk mengaplikasikan nilai dan kaedah pedagogi Rasulullah SAW dalam konteks pendidikan kontemporari. Namun, hasil sorotan literatur menunjukkan kajian empirikal mengenai tahap pelaksanaan modul ini masih terbatas. Sebahagian besar kajian menekankan aspek konseptual mengenai kepelbagaian kaedah pengajaran Rasulullah SAW seperti soal jawab, teladan, penceritaan dan pengulangan (Bego et al., 2024; Prasetya, 2024), tetapi kurang memberi fokus terhadap pengukuran kesan pelaksanaan modul ke atas hasil pembelajaran murid sama ada dari dimensi kognitif, afektif atau akhlak (Noor & Rahim, 2023).

Selain itu, wujud jurang dari aspek kompetensi guru. Penyelidikan terkini menunjukkan bahawa tahap Pedagogical Content Knowledge (PCK) dan Technological Pedagogical Content Knowledge (TPACK) dalam kalangan guru Pendidikan Islam (GPI) belum diukur secara

menyeluruh, khususnya dalam mengaplikasikan kaedah pengajaran Rasulullah SAW dengan integrasi teknologi PdP semasa (Ramli et al., 2025). Hal ini membuktikan keperluan kajian lanjut untuk menilai sejauh mana kesiapsiagaan GPI dalam melaksanakan modul ini, terutama apabila ia menuntut gabungan kaedah tradisi (kuliah, resitasi, penceritaan) dengan strategi abad ke-21 (*inquiry-based learning, project-based learning, digital storytelling*).

Tambahan pula, kajian tindakan dan kajian kes yang dijalankan dalam konteks latihan perguruan mendapati integrasi pedagogi Rasulullah SAW dengan pembangunan profesional guru berpotensi meningkatkan keberkesanan PdP (Karim & Hanafi, 2024). Walau bagaimanapun, bukti empirikal di peringkat sekolah menengah masih terhad, sedangkan modul ini telah digariskan KPM sebagai rujukan utama dalam pengajaran hadis. Hal ini menimbulkan jurang pengetahuan yang signifikan berhubung sejauh mana modul tersebut benar-benar berkesan dalam membentuk pemahaman, penghayatan, dan akhlak murid, serta kebolehlaksanaannya dalam bilik darjah sebenar.

Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengisi jurang tersebut dengan menilai bentuk kaedah pengajaran Rasulullah SAW yang diketengahkan dalam Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi, tahap pelaksanaan modul oleh GPI, serta potensi kesannya terhadap pembelajaran murid. Selain itu, kajian ini bertujuan memperlihatkan kesepadanan kaedah pengajaran Rasulullah SAW dengan teori pendidikan Barat seperti Teori Taksonomi Kognitif (Bloom), Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) (Vygotsky), dan Perkembangan Kognitif (Piaget). Penegasan ini sekali gus membuktikan bahawa pedagogi Islam berupaya diselaraskan dengan pendekatan *evidence-based pedagogy* dalam konteks abad ke-21. Justeru, kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada pengayaan literatur pendidikan Islam, malah turut menyokong usaha KPM dalam memperkukuh pengajaran dan pembelajaran PdP Pendidikan Islam agar lebih kritis, relevan, dan aplikatif.

Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi

Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi merupakan bahan rujukan rasmi yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2023 sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh Pendidikan Islam di sekolah. Modul ini berasaskan himpunan hadis yang disusun oleh Imam al-Nawawi dalam karya klasiknya *al-Arba'in al-Nawawiyyah*, yang menghimpunkan 42 hadis sahih berkaitan akidah, tauhid, akhlak, ibadah dan prinsip asas kehidupan Muslim. Penyusunan modul bersifat sistematik dan kontekstual bagi memastikan kesesuaiannya digunakan oleh guru di bilik darjah, khususnya dalam pengajaran murid prasekolah hingga menengah rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023).

Dari segi struktur, setiap hadis dihuraikan dengan menonjolkan aspek teras yang boleh dijadikan panduan pendidikan yang merangkumi dimensi kognitif, afektif dan psikomotor. Modul ini turut menyediakan teks hadis beserta terjemahan, ringkasan maksud, huraian isi penting, dan cadangan aktiviti pembelajaran. Pendekatan integratif ini memudahkan guru menghubungkan ajaran Rasulullah SAW dengan strategi pedagogi moden, sekali gus menyokong pembelajaran berasaskan pengalaman langsung dan konstruktivisme sosial (Vygotsky, 1978; Kolb, 2015).

Lebih penting lagi, modul ini menggariskan kaedah pengajaran Rasulullah SAW seperti soal jawab, dialog, penceritaan, perbandingan, pengulangan, isyarat bukan lisan, serta amali. Kaedah ini selari dengan prinsip *evidence-based pedagogy*, yang menekankan pembelajaran

aktif, reflektif dan berpusatkan murid (Deslauriers et al., 2019; Bego et al., 2024). Sebagai contoh, pendekatan soal jawab yang digunakan Rasulullah SAW boleh dikaitkan dengan taksonomi Bloom yang menggalakkan pemikiran aras tinggi; kaedah dialog dan musyawarah pula selari dengan konsep *Zone of Proximal Development* (ZPD) oleh Vygotsky; manakala penceritaan dan amali bersesuaian dengan tahap perkembangan kognitif pra-operasi menurut Piaget (1952). Analisis ini membuktikan bahawa pedagogi Islam bukan sahaja sesuai untuk zaman silam, tetapi dapat diselaraskan dengan teori pendidikan kontemporari.

Walaupun modul ini memiliki potensi besar sebagai jambatan antara khazanah klasik Islam dan pendidikan moden, sorotan literatur menunjukkan bahawa kajian empirikal tentang tahap pelaksanaan dan keberkesanannya masih terhad. Sebahagian besar kajian lebih menekankan aspek konseptual berbanding pengukuran impak sebenar terhadap pencapaian kognitif, afektif, dan pembentukan akhlak murid (Noor & Rahim, 2023). Malah, tahap penguasaan guru Pendidikan Islam dalam mengaplikasikan modul ini dengan integrasi teknologi dan pedagogi digital juga masih belum dikaji secara menyeluruh.

Kesimpulannya, Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi berfungsi bukan sahaja sebagai teks rujukan hadis, tetapi juga sebagai panduan pedagogi bersepadu yang berpotensi meningkatkan pemikiran kritis, sahsiah Islami, dan kemahiran abad ke-21. Namun, bagi memastikan keberkesanannya, modul ini memerlukan penilaian empirikal berterusan, khususnya dalam konteks bilik darjah sebenar. Sehubungan itu, GPI perlu dilatih agar mampu menggabungkan kaedah tradisional Rasulullah SAW dengan strategi pengajaran moden seperti digital storytelling, project-based learning, dan inquiry-based learning, supaya modul ini benar-benar menjadi jambatan antara warisan ilmu Islam dengan keperluan pendidikan masa kini.

Ulasan Karya

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa pendekatan pedagogi Rasulullah SAW mempunyai kesepadanan yang ketara dengan strategi pengajaran moden berasaskan bukti (*evidence-based pedagogy*). Penyelidikan dari dalam dan luar negara membuktikan keberkesanan kaedah syarahan berstruktur, dialog interaktif, teknik penyoalan, komunikasi bukan lisan, pengulangan berjadual, amalan ulangan semula, analogi berstruktur, serta penceritaan dalam meningkatkan kefahaman, motivasi, dan pengekalan ilmu. Hal ini menegaskan bahawa pedagogi Rasulullah SAW bukan sahaja relevan dalam konteks sejarah, tetapi juga signifikan dalam pendidikan kontemporari, khususnya apabila diteliti melalui kerangka teori Barat seperti *Bloom's Taxonomy*, *Zone of Proximal Development* (Vygotsky), dan Teori Perkembangan Kognitif Piaget.

Deslauriers et al. (2019) membuktikan bahawa syarahan berstruktur yang disertai elemen interaktif dapat meningkatkan pembelajaran sebenar berbanding syarahan pasif. Dapatan ini sejajar dengan kuliah Rasulullah SAW yang sering disertai soal jawab dan penegasan, sekaligus menunjukkan bahawa kuliah dominan kerana sesuai untuk menyampaikan prinsip asas, namun tetap menekankan penglibatan murid. Walau bagaimanapun, jika guru terlalu bergantung pada kuliah semata-mata tanpa variasi, ia berisiko menjadikan murid pasif serta tidak membina kemahiran berfikir aras tinggi.

Kajian Cui dan Teo (2023) menunjukkan bahawa dialog berstruktur mampu merangsang pemikiran kritis. Hal ini selari dengan amalan Rasulullah SAW yang menggunakan perbincangan musyawarah untuk menjelaskan isu mendalam. Begitu juga, Salmon dan Barrera

(2021) menekankan penyediaan bernoktah tujuan sebagai alat membina penaaakulan mendalam. Pendekatan ini boleh dihubungkan dengan taksonomi Bloom, yang menekankan keperluan menggerakkan murid daripada tahap mengingat kepada menilai dan mencipta.

Selain itu, strategi pengulangan dan amalan ulangan semula (*retrieval practice*) yang ditegaskan oleh Martinengo et al. (2024) dan Bego et al. (2024) membuktikan keberkesanan dalam meningkatkan pengekalan memori jangka panjang. Hal ini selari dengan kaedah Rasulullah SAW yang mengulang isi penting untuk mengukuhkan ingatan sahabat. Analogi pula, menurut Tise et al. (2023), berkesan membantu pemahaman konsep abstrak, sama seperti penggunaan perumpamaan oleh Rasulullah SAW.

Penceritaan (Rahiem, 2021) terbukti meningkatkan minat dan penghayatan nilai, manakala integrasi teknologi digital (Zhang et al., 2023) membuka ruang untuk digital *storytelling* dalam konteks abad ke-21. Resitasi dan ujian formatif (Endres et al., 2024) juga terbukti memperkukuh penguasaan, sama seperti resitasi hadis yang diamalkan Rasulullah SAW.

Hussin et al. (2020) menegaskan bahawa keberkesanan pedagogi bergantung pada kebolehan guru menyesuaikan strategi dengan konteks dan tahap murid. Pandangan ini penting kerana ia menuntut guru Pendidikan Islam menguasai bukan sahaja kandungan modul, tetapi juga *Pedagogical Content Knowledge* dan *Technological Pedagogical Content Knowledge* supaya kaedah Rasulullah SAW dapat diaplikasikan dalam konteks murid abad ke-21.

Secara keseluruhannya, ulasan ini menunjukkan bahawa pendekatan Rasulullah SAW konsisten dengan prinsip konstruktivisme, iaitu pembinaan ilmu melalui interaksi sosial dan pengalaman langsung. Namun, jurang masih wujud kerana kajian empirikal yang menilai kesan Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi (KPM, 2023) terhadap murid masih terbatas. Justeru, kajian lanjut perlu dijalankan bagi menilai sejauh mana keberkesanan modul ini dalam meningkatkan pencapaian kognitif, pembentukan sahsiah, dan penguasaan kemahiran abad ke-21.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis dokumen. Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi terbitan Kementerian Pendidikan Malaysia (2023) dijadikan sebagai teks utama kajian kerana modul ini mengandungi matan hadis, terjemahan, serta huraian pedagogi yang relevan dengan objektif kajian. Proses analisis dijalankan bagi mengenal pasti bentuk-bentuk kaedah pengajaran Rasulullah SAW yang diketengahkan dalam modul tersebut. Bagi memperkukuh kesahan kandungan, analisis data turut dibandingkan dengan kitab syarah hadis *al-Wāfi fī Sharḥ al-Arbaʿīn al-Nawawīyyah* (2007). Di samping itu, setiap tema yang dikenal pasti diberikan definisi operasional yang jelas. Bagi memastikan ketelitian, dapatan analisis disemak serta disahkan oleh pakar dalam bidang hadis dan pendidikan Islam. Pendekatan ini selaras dengan cadangan Wiersma (1991) tentang triangulasi data serta diaplikasikan dalam kajian pendidikan Islam oleh Mohd Izham (2009). Proses analisis dijalankan dengan bantuan perisian NVivo bagi menghasilkan kod, subtema dan tema utama berkaitan metodologi pengajaran Rasulullah SAW. Melalui pendekatan ini, kaedah pengajaran dapat dikenal pasti secara lebih sistematik, teratur dan berlandaskan prinsip analisis kualitatif yang saintifik.

Dapatan Analisis

Hasil analisis terhadap Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi (KPM, 2023) menunjukkan bahawa Rasulullah SAW menggunakan pelbagai pendekatan dalam mendidik dan menyampaikan ajaran Islam. Antara kaedah yang dapat dikenal pasti ialah kuliah, soal jawab, dialog perbincangan, penceritaan, penggunaan gaya atau isyarat, pengulangan, perbandingan, amali, penegasan, resitasi serta penyelesaian masalah. Kaedah-kaedah ini memperlihatkan kepelbagaian strategi pedagogi Rasulullah SAW yang bersifat fleksibel, jelas, serta mudah difahami oleh pendengar.

Analisis ini menegaskan bahawa modul tersebut bukan sahaja berfungsi sebagai teks hadis, tetapi juga sebagai rujukan pedagogi yang boleh diaplikasikan oleh Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam PdP. Dapatan ini memperlihatkan keseimbangan antara pendekatan berstruktur (*structured learning*), interaktif (*interactive learning*), praktikal (*experiential learning*) serta pengukuhan ingatan (*retrieval & spaced learning*).

Kaedah kuliah muncul sebagai pendekatan paling dominan, digunakan dalam lebih separuh daripada hadis (misalnya hadis 1, 3, 5, 6, 8–14, 16–21, 22–23, 25–27, 29–38, dan 40–42). Dominasi kaedah ini membuktikan bahawa Rasulullah SAW menekankan penyampaian langsung bagi menjelaskan prinsip asas akidah, ibadah dan akhlak. Namun, menurut Bloom (1956), syarahan berstruktur perlu digabungkan dengan penyoalan atau tugas aras tinggi agar pelajar tidak kekal pasif. Hal ini penting kerana jika guru hanya bergantung kepada kuliah, murid berisiko menjadi penerima maklumat semata-mata tanpa membina pemikiran kritis. Kaedah Soal jawab digunakan secara meluas (misalnya hadis 2, 6, 13, 17, 22, 24, 26–27, 29, 30, 33) dan berfungsi sebagai alat diagnostik kefahaman. Kaedah ini selari dengan prinsip *inquiry-based learning* serta teori Vygotsky (1978) yang menekankan *Zone of Proximal Development* (ZPD). Rasulullah SAW membimbing sahabat ke arah jawapan yang betul melalui penyoalan berfokus, membina penaaakulan mendalam.

Kaedah Dialog ditemui dalam hadis 2, 6 dan 21. Walaupun jumlahnya terhad, ia mencerminkan pendekatan *collaborative learning* dan *constructivism*, iaitu pembinaan ilmu melalui interaksi sosial. Kaedah ini sesuai untuk isu kompleks yang memerlukan musyawarah dan refleksi. Kaedah Penceritaan muncul dalam hadis 4 dan 41. Ia menghubungkan mesej pengajaran dengan pengalaman konkrit, yang menegaskan bahawa *storytelling* meningkatkan minat dan penghayatan nilai.

Kaedah Penggunaan Gaya walaupun terbatas (hadis 35 dan 38), kaedah ini membuktikan keberkesanan komunikasi bukan lisan yang menekankan bahawa intonasi, pergerakan tangan, dan kontak mata meningkatkan penglibatan pelajar. Kaedah Pengulangan (hadis 3, 5, 14, 15) dan resitasi (hadis 12, 24, 26–27, 29–33, 35, 37, 39) menekankan pentingnya *retrieval practice* dan *spaced repetition*. Kaedah ini terbukti mengukuhkan memori jangka panjang serta menggalakkan pemikiran kritis apabila murid menguji semula kefahaman mereka.

Kaedah Perbandingan, Rasulullah SAW menggunakan analogi untuk menjelaskan konsep abstrak (hadis 1, 4, 6–10, 15, 37, 39, 40). Analogi berstruktur membantu pelajar menghubungkan konsep baharu dengan pengalaman sedia ada. Kaedah Amali dikesan dalam hadis 7, 12, 17, 22–23, 25–26, 28 dan 34. Kaedah ini menekankan *experiential learning* (Kolb, 2015), iaitu pembelajaran melalui pengalaman praktikal. Rasulullah SAW menekankan bahawa ilmu bukan sekadar difahami, tetapi mesti diamalkan. Kaedah penyelesaian masalah,

Walaupun hanya ditemui dalam hadis 31, pendekatan ini penting kerana ia menunjukkan Rasulullah SAW membimbing sahabat mencari jawapan terhadap cabaran praktikal. Hal ini sejajar dengan problem-based learning (PBL) yang terbukti meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi.

Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa Rasulullah SAW mengamalkan pedagogi yang bersifat multimodal pedagogi, fleksibel dan kontekstual. Kaedah kuliah berfungsi sebagai strategi dominan kerana sesuai untuk menjelaskan prinsip asas akidah, ibadah, dan akhlak, namun pendekatan ini turut disokong oleh kaedah lain seperti soal jawab, perbandingan, amali, dan resitasi yang berperanan mengukuhkan kefahaman dan penguasaan ilmu. Selain itu, kaedah seperti dialog, penceritaan, penggunaan gaya bukan lisan, pengulangan dan penyelesaian masalah diaplikasikan secara terpilih bergantung pada keperluan, tahap murid, serta konteks pengajaran tertentu. Analisis ini mengesahkan bahawa pedagogi Rasulullah SAW mempunyai kesepadanan dengan teori pendidikan Barat seperti Bloom, Vygotsky, Piaget dan Kolb, di samping menggalakkan bentuk pembelajaran yang aktif serta berpusatkan murid. Malah, pendekatan ini relevan dengan tuntutan pendidikan abad ke-21 apabila digabungkan dengan strategi moden seperti *digital storytelling*, *project-based learning*, dan *retrieval practice*. Walau bagaimanapun, masih terdapat jurang empirikal kerana kajian khusus mengenai keberkesanan *Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi* terhadap pencapaian murid di sekolah masih terhad. Justeru, penyelidikan lanjutan perlu dijalankan bagi menilai tahap pelaksanaan modul oleh Guru Pendidikan Islam (GPI) serta meneliti implikasi langsungnya terhadap perkembangan kognitif, afektif, dan sahsiah murid.

No	Kaedah	Hadis 40 Imam Nawawi (1-21)																				
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21
1	Kuliah	X		X		X	X		X	X	X	X	X	X	X	X		X	X		X	X
2	Dialog		X					X												X		
3	Soal Jawab		X					X									X					X
4	Bercerita				X																	
5	Menggunakan Gaya																					
6	Pengulangan			X		X										X	X					
7	Perbandingan	X			X		X			X	X	X	X								X	
8	Amali								X								X		X			
9	Penyelesaian Masalah																					
10	Resitasi															X						

No	Kaedah	Hadis 40 Imam Nawawi (22-42)																				
		22	23	24	25	26	27	28	29	30	31	32	33	34	35	36	37	38	39	40	41	42
1	Kuliah		X	X		X		X		X		X		X	X	X	X	X	X	X	X	X
2	Dialog																					
3	Soal Jawab	X			X		X		X		X		X				X					
4	Bercerita																					X
5	Menggunakan Gaya														X					X		
6	Pengulangan																					
7	Perbandingan													X						X	X	
8	Amali	X	X		X	X			X									X				
9	Penyelesaian Masalah												X									
10	Resitasi			X			X	X		X	X	X	X		X				X			

Jadual 1 : Analisis Tematik Pengajaran Rasulullah SAW dalam Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi

No	Kaedah	Hadis
1	Kuliah	1, 3, 5, 6, 8–14, 16–21, 22–23, 25–27, 29–38, 40–42
2	Dialog	2, 6, 21
3	Soal Jawab	2, 6, 13, 17, 22, 24, 26–27, 29, 30, 33
4	Bercerita	4, 41
5	Menggunakan Gaya	35, 38
6	Pengulangan	3, 5, 14, 15
7	Perbandingan	1, 4, 6–10, 15, 37, 39, 40
8	Amali	7, 12, 17, 22–23, 25–26, 28, 34
9	Penyelesaian Masalah	31
10	Resitasi	12, 24, 26–27, 29–33, 35, 37, 39

Jadual 2 : Analisis Kekerapan Kaedah Pengajaran Rasulullah SAW Berdasarkan Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi

Perbincangan dan Implikasi

Berdasarkan *Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi* (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023), analisis menunjukkan bahawa Rasulullah SAW mengamalkan kepelbagaian pendekatan pedagogi yang selari dengan strategi pembelajaran kontemporari berasaskan bukti. Kaedah tersebut bukan sahaja relevan dengan konteks sejarah, tetapi juga konsisten dengan teori pendidikan moden, membuktikan bahawa pedagogi Islam bersifat holistik, adaptif, dan transgenerasi. Pertama, kuliah berstruktur digunakan secara meluas, misalnya dalam Hadis 1:

"إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ"

"*Sesungguhnya setiap amalan bergantung kepada niat*".

Pendekatan ini berfungsi untuk menyampaikan prinsip asas akidah dan ibadah secara sistematik. Namun, kajian Deslauriers et al. (2019) menunjukkan bahawa kuliah berkesan hanya apabila disertakan elemen interaktif. Jika kuliah diaplikasikan secara pasif, pelajar mungkin hanya berpuas hati dengan persepsi bahawa mereka belajar, walhal tahap kefahaman sebenar rendah. Hal ini menunjukkan keperluan menggabungkan syarahan dengan penyoalan atau aktiviti reflektif, seiring dengan Bloom's Taxonomy yang menekankan aras aplikasi dan analisis, bukan sekadar mengingat.

Seterusnya, kaedah soal jawab dan dialog menjadi teras pedagogi nabawi. Hadis Jibril (Hadis 2) memperlihatkan proses soal jawab dalam menjelaskan Islam, iman dan ihsan, manakala Hadis 6 mengajak sahabat menilai halal, haram dan syubhah. Penyelidikan semasa membuktikan bahawa dialog berstruktur meningkatkan pemikiran kritis (Cui & Teo, 2023), manakala penyoalan bernoktah tujuan (*intentional questioning*) menggalakkan penaakulan mendalam (Salmon & Barrera, 2021). Pendekatan ini selari dengan teori Vygotsky (1978) tentang *Zone of Proximal Development (ZPD)*, iaitu pembelajaran berlaku melalui interaksi yang membimbing murid daripada tahap sedia ada ke tahap lebih tinggi.

Selain itu, kaedah penceritaan digunakan Rasulullah SAW untuk menyampaikan nilai secara naratif, seperti dalam Hadis 16: "Janganlah engkau marah." Penceritaan terbukti mampu memupuk kefahaman mendalam dan penghayatan nilai (Rahiem, 2021). Dari perspektif Piaget (1952), penceritaan sangat sesuai dengan tahap pra-operasi kanak-kanak kerana mereka belajar melalui simbol dan naratif konkrit.

Berikutnya, kaedah gaya komunikasi bukan lisan juga diaplikasikan, misalnya Hadis 40 ketika Rasulullah SAW memegang bahu Ibn 'Umar. Bahasa tubuh ini berperanan mengukuhkan dimensi afektif, sebagaimana ditunjukkan oleh Abekah-Keelson (2024) bahawa kontak mata dan intonasi meningkatkan penglibatan pelajar. Selain daripada itu, kaedah pengulangan dan resitasi menjadi strategi pengukuhan memori. Hadis 29 misalnya menekankan bahaya lidah dengan pengulangan. Hal ini seiring dengan bukti empirikal bahawa *spaced practice* dan *retrieval practice* meningkatkan pengekaln pengetahuan jangka panjang (Martinengo et al., 2024; Bego et al., 2024; Endres et al., 2024).

Seterusnya, kaedah perbandingan digunakan Rasulullah SAW untuk menjelaskan konsep abstrak, contohnya Hadis 27 yang mentakrifkan kebaikan sebagai ketenangan jiwa. Kajian Tise et al. (2023) mengesahkan bahawa analogi berstruktur memudahkan pemahaman konsep abstrak dan pemindahan pembelajaran, selari dengan prinsip konstruktivisme. Di samping itu, kaedah amali diamalkan Rasulullah SAW, misalnya Hadis 17 tentang penyembelihan. Pendekatan ini menegaskan kepentingan hubungan antara teori dan amalan, sejajar dengan *experiential learning* (Kolb, 2015) dan pembelajaran berasaskan projek (Zhang et al., 2023). Selain itu juga, kaedah penyelesaian masalah diaplikasikan dalam Hadis 22 ketika Rasulullah SAW memberi solusi praktikal mengenai zuhud. Strategi ini selari dengan *problem-based learning* (Su et al., 2025; Wijnia et al., 2024) yang meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi dan kreativiti.

Kesemua kaedah ini memperlihatkan bahawa pedagogi Rasulullah SAW bersifat variatif, fleksibel, dan kontekstual, bukan terikat kepada satu pendekatan tunggal. Hal ini menegaskan pandangan Hussin et al. (2020) bahawa keberkesanan pedagogi bergantung pada keupayaan guru menyesuaikan strategi dengan konteks pembelajaran dan latar belakang pelajar. Dari sudut teori, dapatan ini membuktikan bahawa pedagogi Islam selari dengan prinsip konstruktivisme yang menekankan pengalaman langsung dan interaksi sosial (Cui & Teo, 2023). Dari sudut praktikal, ia memberi panduan jelas kepada GPI untuk menggabungkan kuliah, soal jawab, penceritaan, amali, pengulangan, dan resitasi dalam bilik darjah kontemporari.

Implikasinya, pendidikan Islam perlu menekankan integrasi kaedah Rasulullah SAW dengan pendekatan moden berasaskan teknologi digital seperti *digital storytelling*, kuiz interaktif, dan *project-based learning*. Latihan profesional berterusan (PLC) juga wajar dirangka untuk melatih guru menguasai Pedagogical Content Knowledge dan Technological Pedagogical Content Knowledge, agar pedagogi Rasulullah SAW dapat diaplikasikan secara lebih efektif dalam konteks murid abad ke-21.

Akhirnya, perbincangan ini menegaskan bahawa pedagogi Rasulullah SAW tidak hanya bersifat tradisional, tetapi konsisten dengan prinsip pedagogi moden berasaskan bukti. Dapatan ini memperkukuh kefahaman bahawa pedagogi Islam bersifat holistik, adaptif, dan relevan sepanjang zaman, di samping mampu disesuaikan dengan cabaran pendidikan abad ke-21 yang menuntut kreativiti, kemahiran berfikir aras tinggi, serta fleksibiliti pedagogi.

Kesimpulan

Kajian ini membuktikan bahawa kaedah pengajaran Rasulullah SAW sebagaimana yang digariskan dalam *Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi* adalah pelbagai, fleksibel, dan menyeluruh. Analisis terhadap 42 hadis menunjukkan bahawa Rasulullah SAW mengaplikasikan strategi pedagogi yang merangkumi kuliah berstruktur, soal jawab, dialog, penceritaan, perbandingan, amali, pengulangan, resitasi, komunikasi bukan lisan, serta penyelesaian masalah. Kepelbagaian ini menegaskan bahawa pedagogi nabawi bukan bersifat linear atau kaku, tetapi adaptif mengikut konteks, tahap murid, dan keperluan pembelajaran.

Dari sudut teori, dapatan ini memperkukuh pemahaman bahawa pedagogi Islam adalah holistik dengan menyeimbangkan dimensi kognitif, afektif dan psikomotor. Hal ini juga membuktikan bahawa kaedah Rasulullah SAW mempunyai kesepadanan dengan teori pendidikan moden seperti konstruktivisme (Vygotsky), perkembangan kognitif (Piaget), experiential learning (Kolb) serta prinsip evidence-based pedagogy yang menekankan pembelajaran aktif dan reflektif. Penemuan ini sekali gus mengangkat pedagogi Islam sebagai kerangka konseptual yang boleh disepadukan dengan teori Barat tanpa kehilangan identiti asalnya.

Dari sudut praktikal, hasil kajian ini memberikan panduan jelas kepada Guru Pendidikan Islam (GPI) untuk mengaplikasikan pendekatan variatif dalam bilik darjah. Syarahan boleh berfungsi sebagai asas penyampaian ilmu, tetapi perlu diseimbangkan dengan kaedah interaktif seperti soal jawab, dialog dan penceritaan bagi merangsang pemikiran kritis serta penghayatan nilai. Aktiviti amali dan resitasi pula berfungsi memperkukuh hubungan teori dengan amalan, manakala pengulangan serta penegasan membantu mengekalkan memori jangka panjang. Dengan itu, murid bukan sahaja memahami kandungan hadis, tetapi juga terlibat secara aktif, bermotivasi, dan terdorong membentuk akhlak Islami.

Walaupun demikian, kajian ini turut menekankan bahawa keberkesanan modul bergantung pada kompetensi guru, khususnya dalam menguasai *Pedagogical Content Knowledge (PCK)* dan *Technological Pedagogical Content Knowledge (TPACK)*. Guru perlu dilatih melalui latihan profesional berterusan (PLC) agar mampu mengintegrasikan kaedah Rasulullah SAW dengan pedagogi moden berasaskan teknologi digital, seperti *digital storytelling* dan *project-based learning*.

Akhirnya, kajian ini membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan untuk menilai impak sebenar modul terhadap perkembangan kognitif, pembentukan sahsiah, dan penghayatan nilai murid dalam konteks pendidikan sebenar. Implikasi ini amat penting dalam usaha membangunkan model pendidikan Islam bersepadu yang berpaksikan hadis, tetapi selari dengan keperluan abad ke-21. Dengan itu, *Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi* boleh dianggap sebagai jambatan konseptual dan praktikal antara warisan klasik Islam dengan tuntutan pedagogi kontemporari.

Penghargaan

Setinggi penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atas usaha menetengahkan penghayatan hadis sebagai asas dalam pendidikan melalui penerbitan *Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi (2023)* yang telah dijadikan sebagai sumber dalam kajian ini. Ucapan terima kasih turut disampaikan kepada Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) atas sokongan akademik serta kemudahan penyelidikan yang telah disediakan sepanjang pelaksanaan kajian ini. Penghargaan juga diberikan kepada rakan penyelidik dan para penilai akademik atas pandangan serta saranan yang telah dikemukakan bagi memperkukuh mutu penulisan artikel ini.

Corresponding Author

Amran Abdul Halim Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Universiti Sains Islam Malaysia, B.B. Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan Email: amranabdulhalim@usim.edu.my

Rujukan

- Abekah-Keelson, S. (2024). The influence of lecturer non-verbal cues on students' classroom engagement. *Cogent Education*, 11(1), 2360980. <https://doi.org/10.1080/2331186X.2024.2360980>
- al-Bughā, M., al-Sharbajī, M., & al-Sharbajī, A. (2007). *al-Wāfi fī sharḥ al-Arbaʿīn al-Nawawīyyah*. Dimashq: Dār al-Salām.
- Al-Nawawi. (2003). *Matan al-Arbaʿīn al-Nawawīyyah fī al-Aḥādīth al-Ṣaḥīḥah al-Nabawīyyah*. Beirut: Maktabah al-Faruq.
- Bego, C. R., Hiller, S. I., Lee, Y., & Rawson, K. A. (2024). Single-paper meta-analyses of the effects of spaced retrieval practice in STEM courses. *International Journal of STEM Education*, 11, 35. <https://doi.org/10.1186/s40594-024-00488-9>
- Bloom, B. S. (1956). *Taxonomy of Educational Objectives: The Classification of Educational Goals*. New York: Longmans, Green.
- Cui, R., & Teo, P. (2023). Thinking through talk: Using dialogue to develop students' critical thinking. *Teaching and Teacher Education*, 125, 104068. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2023.104068>
- Deslauriers, L., McCarty, L. S., Miller, K., Callaghan, K., & Kestin, G. (2019). Measuring actual learning versus feeling of learning in response to being actively engaged in the

- classroom. *Proceedings of the National Academy of Sciences*, 116(39), 19251–19257. <https://doi.org/10.1073/pnas.1821936116>
- Endres, T., Heitmann, R., Schwager, K., & Wittwer, J. (2024). Constructive retrieval: Benefits for learning, motivation, and emotion. *Learning and Instruction*, 89, 101866. <https://doi.org/10.1016/j.learninstruc.2023.101866>
- Hussin, H., Manap, J., & Nasir, M. (2020). Interactive lecture method in Islamic education: Enhancing engagement and understanding. *Journal of Islamic Education Studies*, 8(1), 45–59.
- Jasmi, K. A., & Tamuri, A. H. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, K. A. (2002). *Paradigma Imam al-Nawawi dalam pembangunan insan: Satu kajian teks terhadap kitab Riyad al-Solihin*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2024, Mac 18). *Surat siaran KPM bil. 5 tahun 2024: Pelaksanaan aktiviti penghayatan hadis 40 Imam Nawawi di institusi pendidikan*. Putrajaya: KPM.
- Kolb, D. A. (2015). *Experiential learning: Experience as the source of learning and development* (2nd ed.). Pearson Education.
- Martinengo, L., Tan, E., Schmidt, H. G., & Car, J. (2024). Spaced digital education for health professionals: Systematic review and meta-analysis. *JMIR Medical Education*, 10, e60702. <https://doi.org/10.2196/60702>
- Mohd Izham Mohd Hamzah. (2009). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Piaget, J. (1952). *The Origins of Intelligence in Children* (M. Cook, Trans.). New York: International Universities Press.
- Rahiem, M. D. H. (2021). Storytelling in early childhood education: Time to go digital. *International Journal of Child Care and Education Policy*, 15(1), 1–20. <https://doi.org/10.1186/s40723-021-00092-2>
- Salmon, A. K., & Barrera, M. X. (2021). Intentional questioning to promote thinking and learning. *Thinking Skills and Creativity*, 40, 100822. <https://doi.org/10.1016/j.tsc.2021.100822>
- Su, T., Wang, L., Lin, C., & Zhao, Y. (2025). The effectiveness of problem-based learning in enhancing critical thinking skills in medical education: A systematic review and meta-analysis. *Frontiers in Education*, 10, 1565556. <https://doi.org/10.3389/educ.2025.1565556>
- Suhaimi Muhamad. (2007). *Tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan model pengajaran simulasi bagi mata pelajaran Pendidikan Islam*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Tise, J. C., Schmid, M., & Renkl, A. (2023). Teaching postsecondary students to use analogies as a learning strategy. *CBE—Life Sciences Education*, 22(1), es2. <https://doi.org/10.1187/cbe.22-04-0085>
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in Society: The Development of Higher Psychological Processes*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Wijnia, L., Loyens, S. M. M., & Deros, E. (2024). The effects of problem-based, project-based, and case-based learning on students' motivation: A meta-analysis. *Educational Psychology Review*, 36, 20. <https://doi.org/10.1007/s10648-023-09883-w>
- Zhang, L., Li, J., Wang, Y., & Chen, H. (2023). A study of the impact of project-based learning on student learning outcomes: A meta-analysis. *Frontiers in Psychology*, 14, 1115979. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2023.1115979>